

Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini.

1. (a) Nyatakan **empat** komponen asas yang membolehkan wujudnya sesuatu urusan niaga. [4 markah]
- (b) Gambar di bawah menunjukkan sejenis perniagaan di Malaysia.




- (i) Nyatakan bentuk perniagaan tersebut. [1 markah]
- (ii) Jelaskan kelebihan perniagaan di (b) (i) kepada francais. [5 markah]
2. (a) Nyatakan **empat** prinsip koperasi. [4 markah]
- (b) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan seorang pengusaha kek.

Puan Mila ialah seorang pengusaha kek di Teluk Intan, Perak. Beliau menghasilkan pelbagai jenis kek yang diedarkan melalui para pemborong ke seluruh negeri Perak. Beliau menggaji seramai 17 orang pekerja tetap di kilangnya. Secara purata, hasil jualan tahunannya adalah sebanyak RM750 000.

- (i) Jelaskan klasifikasi perniagaan Puan Mila mengikut saiz dan sektor. [2 markah]
- (ii) Mengapakah Puan Mila memilih untuk menubuhkan saiz perniagaan tersebut? [4 markah]

3. (a) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Analisis SWOT.




Nyatakan X, Y dan Z.

[3 markah]

(b) Gambar di bawah ini berkaitan dengan bahagian fungsian pengagihan.



Gambar A



Gambar B

(i) Nyatakan saluran agihan yang sesuai digunakan bagi Gambar A dan B. [2 markah]

(ii) Jelaskan tentang saluran agihan bagi gambar A dan B di 3(b)(i) ? [2 markah]

(c) Gambar di bawah berkaitan dengan kaedah aplikasi teknologi maklumat dalam perniagaan.



Nyatakan kaedah tersebut dan dua lagi kaedah lain yang boleh digunakan.

[3 markah]

4. (a) Pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan sangat penting bagi mencapai matlamat organisasi.

Jelaskan kepentingan pengurusan sumber manusia dalam organisasi perniagaan. [4 markah]

- (b) Nyatakan kelebihan menjadi usahawan kepada diri sendiri ? [3 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan yang ditanggung oleh kedai kek Puan Mila.

	RM
Pembelian oven	2 300
Pembelian rak pameran	500
Pembelian tepung	240
Pembelian 10 tin planta	450
Pembelian bahan lain membuat kek	360

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan kos berubah ? [1 markah]
 (ii) Hitung kos berubah kedai kek Puan Mila. [2 markah]
5. (a) Senaraikan **tiga** faktor penentu sistem penggajian dalam sesebuah organisasi. [3 markah]
 (b) Maklumat berikut menunjukkan urus niaga yang dilakukan oleh Syarikat BUSU Sdn. Bhd.

1. Memulakan perniagaan dengan memasukkan RM10,000 ke dalam bank sebagai modal permulaan.
2. Membeli barang niaga secara kredit.
3. Membuat jualan barang niaga secara tunai.

Nyatakan setiap dokumen yang terlibat di atas. [3 markah]

- (c) Terangkan tentang sumber pembiayaan dalaman. [4 markah]

6. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan kemahiran keboleherjaan.

Haris merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dari Universiti Putra Malaysia. Dia sangat berminat untuk menjadi seorang pendidik.

- Apakah kemahiran keboleherjaan yang seharusnya dimiliki oleh Haris sekiranya dia ingin menjadi pendidik ? [2 markah]
 (b) Nyatakan bentuk faedah yang boleh diterima oleh seseorang pekerja. [2 markah]
 (c) Terangkan sumber fizikal yang terdapat dalam sesebuah bengkel motosikal. [6 markah]

Bahagian B

[30 markah]

*Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.*

7. Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Puan Zaleha.

Puan Zaleha merupakan pengeluar roti dan kek yang terkenal di Perak. Baru-baru ini beliau telah mendapat kontrak membekalkan roti dan kek ke asrama sekolah di seluruh negeri Perak selama dua tahun. Bagi memenuhi permintaan tersebut, beliau memerlukan beberapa mesin pengadun dan pembakar roti dan kek yang lebih canggih tanpa menanggung kos penyelenggaraan dan baik pulih peralatan.

- (a) Cadangkan satu jenis pembiayaan luaran yang ditawarkan oleh bank dan institusi kewangan bagi membolehkan Puan Zaleha memiliki mesin tersebut. [6 markah]
- (b) Nyatakan **tiga** sumber pembiayaan luaran dari bank & institusi kewangan selain dari jawapan di 7(a). [3 markah]
- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Sulaiman.

Encik Sulaiman bercadang membuka perniagaan mengeluarkan pelbagai produk makanan sejuk beku. Beliau telah menyediakan rancangan perniagaan untuk perniagaan yang akan dimulakan.

Jelaskan **dua** pihak yang memerlukan rancangan perniagaan tersebut. [6 markah]

8. (a) Gambar di bawah ini menunjukkan sejenis produk.



Jelaskan **empat** elemen campuran pemasaran bagi memasarkan produk berkenaan.

[8 markah]

(b) Maklumat yang berikut berkaitan dengan nisbah kecekapan Syarikat Berdiri Teguh Sdn. Bhd.

Nisbah Kecekapan	2019	2020
Nisbah pusing ganti stok	4.0 kali	6.5 kali
Nisbah pusing ganti aset	5.5 kali	4.0 kali

- (i) Jelaskan tentang *nisbah kecekapan*. [2 markah]
 (ii) Berikan komen anda tentang nisbah kecekapan Syarikat Berdiri Teguh Sdn. Bhd. [5 markah]

9. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Berjaya Construction Sdn. Bhd.

Syarikat Berjaya Construction Sdn. Bhd ditubuhkan pada 30 Disember 2020 bertapak di Ipoh, Perak. Pada awalnya, Struktur organisasi Syarikat Berjaya Construction Sdn. Bhd terdiri daripada seorang pengurus besar dan seorang pengurus bagi setiap jabatan iaitu pembinaan dan kewangan. Pada Jun 2021, satu lagi jawatan baharu ditubuhkan iaitu pengurus pemasaran.

- (i) Nyatakan jenis struktur organisasi yang terlibat dalam Syarikat Berjaya Construction Sdn. Bhd. [1 markah]
 (ii) Jelaskan ciri-ciri struktur organisasi di 9(a)(i). [3 markah]
 (b) Jelaskan peranan bahagian fungsian kewangan dan pemasaran dalam Syarikat Berjaya Construction Sdn. Bhd. [6 markah]
 (c) Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Rosnah.

Puan Rosnah merupakan seorang balu yang tidak bekerja dan mempunyai lima orang anak. Beliau bercadang untuk memulakan perniagaan membuat kek di rumah. Beliau mempunyai simpanan barang kemas dan berhasrat menggunakan kemudahan gadaian bagi mendapatkan modal.

Huraikan kekuatan dan kelemahan jenis pembiayaan yang dipilih oleh Puan Rosnah. [5 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

10. Comel Craft Creation Sdn. Bhd. merupakan syarikat yang menghasilkan produk kraf tangan yang diperbuat daripada rotan. Di antara produk kraf tangan yang dihasilkan adalah seperti tudung saji, bakul baju, bakul telur dan dulang. Syarikat ini dimiliki oleh Encik Khalid dan Puan Khadijah. Encik Khalid mengendalikan kerja-kerja pentadbiran dan pembelian, sementara Puan Khadijah bertanggungjawab dalam bahagian pengeluaran dan pemasaran. Aktiviti pengeluaran produk dibantu oleh empat orang pekerja yang masing-masing bertanggungjawab menghasilkan sejenis produk. Maklumat berkaitan dengan pengeluaran bagi tempoh seminggu ditunjukkan seperti jadual di bawah :

Nama Pekerja	Produk	Bil. Pengeluaran (unit)
Husin bin Alias	Bakul baju	5
Maimun binti Jusuh	Tudung saji	5
Rahmah binti Roslan	Bakul telur	15
Taib bin Mahmud	Dulang	8

Disebabkan jumlah permintaan yang semakin meningkat, Encik Khalid dan Puan Khadijah bercadang untuk mengambil beberapa orang pekerja baharu. Setelah melalui proses pemilihan, maka empat orang pekerja baharu dilantik dan dihantar untuk menjalani latihan anyaman selama satu minggu di bawah anjuran Persatuan Kraftangan Melaka. Tindakan mengambil pekerja baharu telah menyebabkan pengeluaran setiap produk telah meningkat dan mampu memenuhi permintaan pelanggan.

Encik Khalid dan Puan Khadijah telah merancang untuk memperkenalkan produk baharu, iaitu pasu bunga rotan. Satu analisis titik pulang modal telah dibuat dan jadual di bawah menunjukkan kos yang terlibat bagi menghasilkan pasu bunga tersebut :

Jenis Kos	RM
Kos tetap	5 000
Kos berubah seunit pasu	35

Melalui tinjauan pasaran yang dibuat, mereka membuat keputusan untuk menjual pasu bunga tersebut pada harga RM75 seunit. Pasu bunga tersebut direka bentuk mengikut trend terkini.

Berdasarkan kes di tersebut, jawab soalan-soalan yang berikut :

- (a) Jelaskan peranan bahagian fungsian berikut kepada perniagaan Comel Craft Creation Sdn. Bhd. :
- (i) Pembelian [3 markah]
 - (ii) Pengeluaran [3 markah]
- (b) Lakarkan struktur organisasi Comel Craft Creation Sdn. Bhd. [4 markah]
- (c) Jelaskan kepentingan latihan kepada pekerja syarikat. [5 markah]
- (d) (i) Apakah kegunaan analisis titik pulang modal kepada sesebuah perniagaan ? [3 markah]
- (ii) Berapakah kuantiti minuman pasu bunga rotan yang perlu dikeluarkan agar syarikat tidak mengalami kerugian ? [2 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT